

Gerai jualan tanaman pertanian jadi tarikan pengunjung

KUALA LUMPUR 27 Okt. - Gerai jualan hasil pertanian, anak benih pokok buah-buahan dan hiasan menjadi tumpuan para pengunjung pada Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) yang berlangsung sejak Jumaat lalu sehingga 30 Oktober ini.



MOHD. ROSMAN



FARIDAH



KHAIRIL EZZUAN

Tinjauan *Utusan Malaysia* di tapak ekspo tersebut mendapati antara jualan pokok yang terlaris dan mendapat permintaan para pengunjung seperti durian musang king, rambutan tanpa biji dan cempedak madu.

Menurut jurujual yang juga Pembantu Pertanian UPM, **Mohd. Rosman Jamaluddin**, 29, sehingga kini hampir 50 peratus stok bahan jualan sudah dijual termasuk pokok herba dan



PERTANDINGAN mewarna mendapat sambutan menggalakkan pada Ekspo Pertanian Pesta Konvokesyen UPM bertemakan *Pertanian Bandaran Memupuk Kesejahteraan Rakyat*.

hasil pertanian sayuran.

"Kita dapati pengunjung yang hadir hari ini lebih ramai berbanding hari-hari sebelum ini, jadi kami akan membuat jualan secara menyeluruh dengan sepenuh tenaga," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Sementara itu, seorang pengunjung, **Faridah Jaapar**, 45, penjualan pelbagai tanaman dengan harga

yang berpatutan membuatnya tidak melepaskan peluang setiap kali ekspo itu diadakan.

"Saya merupakan bekas pelajar UPM dan gerai jualan ini antara tumpuan utama saya kerana harganya yang murah, sukar didapati di mana-mana kedai," ujar peniaga pakaian uniform itu.

Sementara itu, gerai jualan da-



ADIK-BERADIK Yousef Umar, Mohammad Uwais, Aishah Mohd. Hazril Munir dan ibu mereka, Hazlina Mohamed bergambar bersama hadiah utama berupa basikal selepas memenangi pertandingan mewarna anjuran *Utusan Malaysia*.

ging arnab turut menarik perhatian awam apabila pemiliknya menghasilkan daging arnab yang mengandungi pelbagai khasiat.

Pemilik yang juga pengusaha daging arnab, **Khairil Ezzuan**, 23, berkata, daging itu dihasilkan menggunakan resipinya sendiri dan merupakan antara daging yang rendah lemak, kolesterol dan sodium.

"Daging yang dihasilkan ini tanpa bahan pengawet dan perisa tambahan, menggunakan tiga bahan utama iaitu bawang, rempah dan daging melalui proses-proses tertentu.

"Untuk sekeping patty dijual dengan harga RM5.50 dan saya berharap agar perniagaan ini dapat berkembang maju," ujarnya.